

## Penduduk di Sungai Belat, Sungai Kuantan diminta berwaspada kehadiran buaya

[BERNAMA](#)



BUAYA tembaga yang ditemui penduduk di jalan Kampung Air Hitam. FOTO tular

Kuantan: Penduduk di sekitar Sungai Belat dan Sungai Kuantan di sini, dinasihatkan agar sentiasa berwaspada dan tidak mengambil tindakan sendiri jika terlihat buaya pada musim tengkujuh ini.

Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Pahang, Rozaidan Md Yasin berkata, kejadian air pasang dan banjir yang menyebabkan air sungai melimpah, membolehkan reptilia itu keluar dari habitat asalnya.

Menurutnya, kejadian limpahan Sungai Air Hitam, iaitu anak Sungai Belat dipercayai punca seekor buaya dikesan berada atas jalan di Kampung Air Hitam berhampiran Sri Damai di sini pada Isnin lalu dan gambar reptilia itu ditularkan di media sosial, semalam.

"Pemantauan pihak kami pada 13 Disember mendapati buaya itu tiada di lokasi. Bagaimanapun, penduduk dan pengguna jalan raya dinasihatkan untuk berwaspada kerana anak sungai itu adalah habitat kepada buaya," katanya menerusi kenyataan di sini hari ini.

Rozaidan berkata, selain Sri Damai dan Air Hitam, penduduk kawasan Inderapura, Sungai Isap, Kampung Belukar, Kampung Kurnia dan kawasan berhampiran tali air Kampung Razali serta Kampung Jawa juga perlu berwaspada.

Penduduk dinasihatkan mengelak daripada melakukan aktiviti berhampiran sungai dan memastikan terdapat jarak yang sesuai untuk memberikan masa dan peluang menyelamatkan diri jika terserempak dengan buaya.

"Berhati-hati jika menaiki bot dan seboleh-bolehnya posisikan diri di tengah-tengah bot serta buat bunyi bising kerana reptilia berkenaan menjadi kurang selesa sekali gus akan menjauhi bot.

"Jangan menghampiri sarang atau cuba menangkap anak buaya. Naluri keibuan buaya sangat kuat dan akan bertindak ganas jika diganggu," katanya.

Rozaidan juga menasihatkan penduduk untuk menggunakan lampu suluh semasa berada berhampiran air di waktu malam, bagi memudahkan mereka mengesan kehadiran reptilia itu yang matanya akan berkilau apabila disuluh.

Penduduk yang mengesan haiwan itu juga dinasihatkan agar tidak menghampirinya dan menghubungi segera Perhilitan di 09-5733811 atau hotline di 1-800-88-5151.

**Disiarkan pada: Disember 14, 2022 @ 12:48pm**

---